



PERDANA Menteri Dr. Mahathir Mohamad sedang berucap di perhimpunan agung Bangsa-Bangsa Bersatu di New York kelmarin.

# AS digesa henti jual senjata ke Israel

**NEW YORK, Khamis** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengecam keras kejayaan Israel di Lebanon dan serentak dengan itu menggesa Amerika Syarikat menimbang semula penjualan senjatanya ke negara itu.

Beliau mensifatkan Israel sebagai bangsa yang mahu menggunakan kekuatannya untuk menakutkan atau mencederakan orang lain yang lemah.

"Sekiranya Israel kuat dan lebih besar dari sekarang, tentu dunia ini tidak akan selamat. Oleh itu saya menyeru Amerika Syarikat menimbang semula pembekalan senjatanya ke Israel kerana senjata-senjata itu semata-mata digunakan untuk membunuh."

Demikian tegas Perdana Menteri dalam uca-

pan sulungnya di perhimpunan agung Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), di sini petang ini.

Bagi beliau, tindakan Israel menggunakan senjata bahaya secara kejam untuk menghapuskan pejuang-pejuang Palestin akan menggagalkan sebarang usaha pertubuhan dunia itu mencari penyelesaian hakiki masalah Asia Barat.

Berucap di hadapan 157 perwakilan badan dunia itu, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, Israel bukan sahaja bertindak kejam ke atas Palestin tetapi juga berterusan menyebarkan mitos; kononnya tidak wujud rakyat Palestin.

Serangan Israel ke atas Lebanon dan pemusnahan bandar Beirut baru-baru ini memberi pengajaran kepada kita bahawa, sekiranya tindakan Is-

rael itu tidak dihentikan, bukan sahaja masalah Asia Barat berterusan, malahan kita semua lambat laun akan ditelan oleh api kemusnahan, tegasnya.

Dalam ucapannya yang mengambil masa kira-kira 45 minit itu, Perdana Menteri menarik perhatian PBB bahawa rakyat Palestin sejak diusir dari negaranya, bukan saja terpaksa berpindah dari satu tempat ke satu tempat, tetapi juga hak mereka sebagai manusia dinafikan.

Dalam nada perlahan Perdana Menteri berkata: "Kita semua masih ingat peristiwa ngeri di Beisen, Dachau dan beberapa kem tahanan Nazi di mana bangsa Yahudi menderita oleh kejayaan Nazi. Kita ngeri dengan kejahatan itu."

Bagaimanapun, tidak siapa, meskipun mereka yang pernah menderita seperti Yahudi, berhak melakukan kejayaan seumpama itu ke atas orang lain, ujarnya.

Perdana Menteri selanjutnya menekankan, apakah setelah tanah Palestin diambil untuk menubuhkan negara Yahudi, kini orang-orang Palestin mesti disembelih dan diusir dari satu tempat ke satu tempat perlindungan.

Apakah kita akan memaafkan pembunuhan itu semata-mata kerana kita, atau kuasa dunia yang lebih besar tidak mahu menyakiti hati Israel, tanya beliau.

Bagi Perdana Menteri, kejayaan Israel ini menyebabkan negara jirannya hidup dalam ketakutan dan bila-bila saja negara mereka juga boleh dilanda kejayaan.

Israel melakukan kejayaan itu semua bukan atas alasan mempertahankan diri sepertimana pernah dijelaskan oleh Perdana Menteri. Mereka akan menyerang walaupun atas alasan yang kecil, tambah beliau.

Perdana Menteri dengan nada yang tinggi bertanya atas dasar keselamatan Israel maka keselamatan negara jirannya tidak penting. Apakah kita semua akan menerima bahawa hanya keselamatan Israel sahaja penting sedangkan jiran-jiran Arab yang lain tidak ada hak keselamatan?

Perdana Menteri kemudiannya menyanjung tinggi tindakan pemimpin PLO, Encik Yasser Arafat meninggalkan Beirut kerana langkah ini akan menyelamatkan orang awam di situ dari terus diserang oleh Israel.

Malaysia, tambah beliau, mengalu-alukan inisiatif pemimpin-pemimpin Arab di sidang kemuncak Arab di Fez bagi memulangkan hak rakyat Palestin. "Sudah tentu Israel menolak bulat-bulat cadangan membawa balik Palestin ke negaranya. Bagaimanapun, dunia dan penyokong-penyokong Israel perlu menyedarkan Israel supaya kembali berfikir waras dan bertindak secara bertamadun," ujarnya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia